

07 MAY 2001

Raja-Tabal (Bergambar)

RAJA PERLIS DITABAL DALAM MAJLIS PENUH ISTIADAT

KANGAR, 7 Mei (Bernama) -- Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail hari ini ditabalkan sebagai Raja Perlis yang ketujuh pada istiadat gilang-gemilang yang berlangsung di Istana Arau dekat sini.

Tengku Syarif Bendahara Perlis selaku Yang Dipertua Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Perlis memasyhurkan pertabalan itu di hadapan wakil-wakil raja dan sultan serta para pembesar negara termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Baginda yang dilantik sebagai Raja Perlis pada 17 April tahun lalu mengucup keris kebesaran menandakan restu baginda terhadap pertabalan yang penuh adat istiadat itu.

Seruan "Daulat Tuanku" sebanyak tiga kali yang diketuai Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim bergema di ruang Balai Rong Seri dan serentak itu tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan.

Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail yang akan genap berusia 58 tahun pada 16 Mei ini adalah Raja Perlis pertama yang ditabalkan selepas negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Sebelum pemasyhuran pertabalan, Raja Perlis menerima kitab suci Al Quran serta alat-alat kebesaran diraja yang disampaikan oleh para pembesar negeri.

Mufti Kerajaan Negeri, Datuk Alim Panglima Mat Jahya Hussin mempersembahkan kitab al Quran diikuti Tengku Syarif Bendahara menyerahkan pedang kerajaan serta batil manakala Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim menyerahkan keris bernama "Seri Rakyat Tunggak Diraja" dan undang-undang tubuh Kerajaan Negeri.

Pada istiadat itu juga, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail turut memasyhurkan pertabalan Tengku Fauziah Abdul Rashid sebagai Raja Perempuan Perlis.

Istiadat yang mendapat liputan meluas media massa itu bermula dengan perarakan bergajah membawa peralatan kebesaran Diraja seperti keris, pedang kerajaan, batil dan undang-undang tubuh kerajaan Perlis serta al Quran.

Perarakan bergajah yang disaksikan oleh ribuan penduduk tempatan dan pelancong itu bermula di Sekolah Menengah Arau yang terletak kira-kira satu kilometer dari situ.

Perarakan membabitkan tiga ekor gajah itu turut disertai oleh 22 pembawa tombak, tujuh pembawa bunga rampai, 22 pembawa bunga emas, 12 wakil kaum, 14 pemuzik dan tujuh pembawa payung.

Selain itu, 11 pembawa panji-panji Polis Diraja Malaysia dan sebelas pembawa panji-panji Angkatan Tentera Malaysia turut menyertai perarakan bersejarah itu.

Perarakan yang membawa alat-alat kebesaran diraja itu melewati pekan lama Arau dan makam Diraja sebelum berhenti di gerbang Istana Arau untuk majlis penyerahan peralatan kebesaran itu oleh para pembawanya kepada para pembesar dan kerabat diraja yang menunggu di situ.

Gajah pertama membawa Al Quran, kedua membawa pedang kerajaan dan batil manakala gajah ketiga membawa keris dan undang-undang tubuh kerajaan negeri.

Rombongan perarakan itu kemudiannya meneruskan perjalanan mereka hingga ke Sekolah Menengah Datuk Sheikh Ahmad yang terletak kira-kira 1.5 kilometer dari Istana Arau manakala peralatan kebesaran diraja diarak ke balai rong seri.

Raja Perlis dalam titah ucapannya berterima kasih kepada kerajaan pusat

yang diterajui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa memberi bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri.

Bantuan itu, menurut baginda telah banyak meringankan beban kewangan negeri Perlis.

Baginda turut gembira dengan usaha kerajaan menggalakkan rakyat menguasai teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan berharap rakyat dapat memanfaatkannya.

Titah baginda, kerajaan akan menjadi bertambah kuat jika setiap rakyat dapat menguasai ilmu pengetahuan.

Raja Perlis turut berharap rakyat mengekalkan perpaduan dan mengelakkan perpecahan yang merugikan.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim dalam ucapan tahniahnya bagi mewakili kerajaan dan rakyat Perlis berkata, Kerajaan Negeri telah memohon peruntukan sebanyak RM3.8 bilion dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan.

Beberapa projek baru dicadangkan untuk dilaksanakan di negeri ini termasuk tiga lebuh raya yang menghubungkan Padang Besar dan Bukit Kayu Hitam, Padang Besar dan Jitra dan antara Kuala Perlis dan Bukit Puteh, katanya.

Selain itu turut dicadangkan ialah pembinaan sebuah universiti dan politeknik.

Menteri Besar berkata, kerajaan bercita-cita untuk menjadikan Perlis sebagai sebuah negeri maju menjelang tahun 2010.

Bagi memastikan pencapaian itu, Kerajaan Negeri akan meningkatkan produktiviti berasaskan K-Ekonomi di samping meningkatkan daya tahan dan daya saingnya dalam pelbagai perkara

Pada istiadat itu, Raja Muda Perlis Syed Faizuddin Putra Jamalullail turut menyampaikan ucapan tahniah bagi mewakili kerabat diraja.

Sementara itu, kira-kira-kira 5,000 pelajar sekolah berkumpul di pinggir jalan antara Kangar dan Arau bagi melambaikan tangan kepada Raja dan Raja Perempuan Perlis serta rombongan diraja.

Mereka membawa bendera negeri dan melaungkan "daulat tuanku" apabila kenderaan diraja melewati tempat mereka menunggu.

-- BERNAMA

AD PR